



157734-  
400009050  
HADIAH

# PERSEPSI GURU TENTANG KRITERIA DAN AMALAN PERANCANGAN STRATEGIK DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH SEMPORNA.

ABDUL SAMAD BIN SULAIMAN

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PERPUSTAKAAN UMS 2006



1400009050



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @**

**JUDUL :** Persepsi guru tentang Kriteria dan amalan perancangan strategiK di Sekolah menengah daerah Semporna.

**IJAZAH:** Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

**SESI PENGAJIAN :** 2005 – 2006

Saya, ABDUL SAMAD BIN SULAIMAN mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara instituisi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(Penulis: ABDUL SAMAD BIN SULAIMAN)

Alamat tetap:

Peti Surat 379,  
9138 Semporna,  
Sabah.

Tarikh : 09.05.2006

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

( PROF. DR. SHUKERY MOHAMED )

Tarikh :

27/9/06

**CATATAN:** @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



ABDUL SAMAD BIN SULAIMAN  
PS03-006(k)-136  
10.12.2005



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada pihak yang telah menyokong kajian ini. Bagi penulis, kajian ini adalah satu rahmat kerana ia memperkayakan lagi ilmu pengetahuan penulis. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Desertasi ini iaitu Prof. Dr. Shukery Mohamed ( Dekan Pascasiswazah). Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Salleh Abd. Rashid ( Tim. Dekan SPPS ) yang telah memberi tunjuk ajar kepada penyelidik. Demikian juga dengan Profesor Madya Dr. Vincent Pang ( Tim. Dekan SPPS ) kerana sudi memberi tunjuk ajar tentang kajian ini. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada isteri, anak dan adik beradik yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada penulis untuk menjayakan kajian ini. Demikian juga dengan rakan guru yang sudi menjawab borang soal selidik serta rakan-rakan sekuliah yang memberi sumbangan idea dalam menjayakan kajian ini. Juga tidak lupa kepada tuan pengetua dan pihak pentadbiran SMK Tagasan, Semporna yang memahami akan peranan saya sebagai guru dan pada masa yang sama sebagai pelajar ijazah tinggi. Semoga Allah akan memberkati kita semua dan akan terus memberkati usaha kita untuk sama-sama meningkatkan kualiti pendidikan negara.

ABDUL SAMAD BIN SULAIMAN  
PS03-006(K)-136

## ABSTRAK

Perancangan Strategik adalah kepakaran seorang jeneral (Zainal Abidin Mohamed, 1999). Umum telah mengetahui tentang kepentingan perancangan strategik kepada kemajuan sesuatu organisasi khususnya sekolah. Jika di Kelantan semasa era 1980an, perancangan strategik berjaya meningkatkan kemajuan pelajaran negeri Kelantan (Abdul Wahab Ghani, 1992), tetapi kenapa di daerah Semporna menunjukkan keadaan sebaliknya. Oleh itu, kajian ini adalah ingin melihat tentang perancangan strategik sekolah-sekolah di daerah Semporna. Kajian ini ingin melihat pemahaman guru tentang visi, misi dan objektif perancangan strategik sekolah menurut persepsi guru, kajian ini juga ingin melihat adakah kriteria perancangan strategik sekolah-sekolah di daerah Semporna menepati kriteria perancangan strategik yang sebenarnya yang terdapat dalam teori Schandal dan Hofer dalam Zainal Abidin (1999) menurut persepsi guru. Seterusnya kajian ini juga melihat sama ada sekolah-sekolah menengah di daerah Semporna mengamalkan perancangan strategik atau tidak menurut persepsi guru. Kajian ini telah dijalankan di 7 buah sekolah menengah di daerah Semporna. Sampel kajian adalah 140 orang guru yang terdiri daripada pengetua, penolong kanan, ketua bidang, ketua panitia dan guru penolong. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Data akan dianalisis dengan menggunakan Statistik Diskriptif seperti min dan sisihan piawai serta melihat peratus kekerapan. Analisis data adalah diolah dengan menggunakan program SPSS (Statistic Pakage For Science Social).

### **Abstract**

*Strategic planning is an expertise of a general (Zainal Abidin Mohamed, 1999). Everyone knew the important of strategic planning for the development of organisation especially in school. Strategic planning in 1980s managed to improve the education development in Kelantan (Abdul Wahab Ghani, 1992), but not in district of Semporna. Furthermore, it is trying to survey the understanding among the teachers on vision, mission and objective of school strategic planning in the district of Semporna in order to meet the criteria of genuine strategic planning according to Schandal and Hofer (Zainal Abidin Mohamed, 1999) based on teachers' perception. In addition to the criteria, this research is trying to make a survey whether the secondary schools in the district of Semporna is implementing the strategic planning or not based on teachers' perception. This research was implemented in seven secondary schools in the district of Semporna. The sample of the research is based on 140 teachers who are the principals, senior assistants, head of department, head of panels and teachers. The instrument of this research is based on questionnaire. All the data are analysed using descriptive statistic for example mean and standard deviation as well as the percentage. Data analysis is processed based on statistic package for science social program (SPSS).*

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>M/S</b>
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	
1.0 Pendahuluan	01
1.1 Sejarah Perkembangan Perancangan Strategi	04
1.1.1 Amalan Perancangan Strategi di Barat	05
1.1.2 Amalan Perancangan Strategik di United Kingdom	05
1.1.3 Amalan Perancangan Strategi di Malaysia	05
1.2 Pernyataan Masalah	07
1.3 Persoalan Kajian	08
1.4 Tujuan Kajian	08
1.5 Objektif	09
1.6 Definisi Operasional/ Konsepsual	09
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Signifikasi/ Sumbangan Kajian	10
 <b>Bab 2 Sorotan Literatur</b>	
2.0 Pendahuluan	12
2.1 Teoritikal Kajian	12
2.2 Kepentingan Kajian	17
2.3 Konsepsual Kajian	35



### **Bab 3 Metodologi Kajian**

<b>3.0 Pengenalan</b>	<b>36</b>
<b>3.1 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>36</b>
<b>3.2 Populasi dan Sampel Kajian</b>	<b>37</b>
<b>3.3 Alat Kajian/ Instrumen Penilaian</b>	<b>39</b>
<b>3.4 Cara Mentadbir Instrumen</b>	<b>42</b>
<b>3.5 Kronologi Kajian</b>	<b>43</b>
<b>3.6 Prosedur Kajian</b>	<b>44</b>
<b>3.7 Prosedur Penganalisisan Data</b>	<b>45</b>
<b>3.8 Kesimpulan</b>	<b>47</b>

### **Bab 4 Dapatan Kajian**

<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>48</b>
<b>4.2 Maklumat Deskriptif</b>	
<b>4.2.1 Jawatan Responden</b>	<b>48</b>
<b>4.2.2 Kepakaran Mengajar Guru</b>	<b>49</b>
<b>4.2.3 Wujud Perancangan Strategik</b>	<b>50</b>
<b>4.2.4 Guru memahami visi sekolah</b>	<b>52</b>
<b>4.2.5 Guru Memahami Misi Sekolah</b>	<b>53</b>
<b>4.2.6 Memahami Objektif Sekolah</b>	<b>53</b>
<b>4.2.7 Visi Diwartakan</b>	<b>55</b>
<b>4.2.8 Visi Dibina Bersama</b>	<b>55</b>
<b>4.2.9 Visi Memajukan Sekolah</b>	<b>56</b>
<b>4.2.10 Sekolah Bangunkan Pendidikan Ikut Visi</b>	<b>57</b>



<b>4.2.11 Visi Sesuai</b>	<b>57</b>
<b>4.2.12 Misi Diwartakan Kepada Warga Sekolah</b>	<b>58</b>
<b>4.2.13 Misi Dibina Bersama</b>	<b>59</b>
<b>4.2.14 Visi dan Misi Sesuai dan Seiringan</b>	<b>60</b>
<b>4.2.15 Objektif Sesuai dan Seiringan dengan Visi dan Misi</b>	<b>61</b>
<b>4.2.16 Analisis SWOT diguna unuk majukan sekolah</b>	<b>62</b>
<b>4.2.17 Penilaian terhadap Perancangan Strategik</b>	<b>63</b>
<b>4.2.18 Guru Amal dan Praktik Visi Sekolah</b>	<b>66</b>
<b>4.2.19 Mudah Ingat Misi dan Visi Sekolah</b>	<b>66</b>
<b>4.2.20 Menghayati Objektif Perancangan Strategik</b>	<b>67</b>
<b>4.2.21 Visi dan Misi Berkesan Majukan Sekolah</b>	<b>67</b>
<b>4.2.22 Mudah Mengingat Objektif Perancangan Strategik</b>	<b>68</b>
<b>4.2.23 Sebut Visi dengan Baik</b>	<b>69</b>
<b>4.2.24 Menyatakan Misi Sekolah dengan Baik</b>	<b>69</b>
<b>4.2.25 Menyatakan Objektif Perancangan Strategik</b>	<b>70</b>
<b>4.2.26 Yakin Visi, Misi dan Objektif</b>	<b>71</b>
<b>4.2.27 Perancangan Strategik memajuka sekolah</b>	<b>71</b>
<b>4.2.28 Pentadbir Buat Mesyuarat Khas</b>	<b>72</b>
<b>4.2.29 PPD Buat Mesyuarat Khas</b>	<b>73</b>
<b>4.2.30 PPG Buat Mesyuarat Khas</b>	<b>73</b>
<b>4.2.31 PS Dibahas Dalam Mesyuarat Pagl</b>	<b>74</b>
<b>4.2.32 PS Dibahas dalam Mesyuarat Staf</b>	<b>74</b>
<b>4.2.33 PS Dibahas Dalam Mesyuarat Kurikulum</b>	<b>75</b>
<b>4.2.34 PS Dibahas dalam Mesyuarat HEM</b>	<b>76</b>



<b>4.2.35 PS Dibahas Dalam Mesyuarat Ko-Kurikulum</b>	<b>76</b>
<b>4.2.36 Wujud JK Pemantau Peringkat Sekolah</b>	<b>77</b>
<b>4.2.37 Wujud JK Pemantau Peringkat Bidang dan Panatia</b>	<b>77</b>
<b>4.2.38 Pentadbir Lapor PS Ke JPNS</b>	<b>78</b>
<b>4.2.39 Pentadbir Lapor PS Ke PPG Tawau</b>	<b>79</b>
<b>4.2.40 Pentadbir Lapor PS Ke PPD Semporna</b>	<b>79</b>
<b>4.2.41 Panatia Lapor Kepada Pentadbir</b>	<b>80</b>
<b>Huraian berdasarkan Kerangka Konsepsual</b>	<b>81</b>

## **Bab 5 Perbincangan Dan Rumusan**

<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>86</b>
<b>5.2 Implikasi Kajian</b>	<b>87</b>
<b>5.3 Cadangan Kajian</b>	<b>89</b>
<b>5.3.1 Tahap Kefahaman</b>	<b>89</b>
<b>5.3.2 Visi, Misi dan Objektif</b>	<b>91</b>
<b>5.3.3 Penggunaan Analisis SWOT</b>	<b>91</b>
<b>5.3.4 Sistem Kawalan dan Penilaian</b>	<b>92</b>
<b>5.3.5 Pemantauan</b>	<b>94</b>
<b>5.3.6 Mesyuarat</b>	<b>95</b>
<b>5.3.7 Laporan</b>	<b>95</b>
<b>5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan</b>	<b>96</b>
<b>5.5 Rumusan</b>	<b>98</b>
<b>5.6 Penutup</b>	<b>100</b>

Bibliografi

101

Lampiran

## Jadual

1. 3.2.1: Taburan Kekerapan Responden
2. 3.3.1: Kandungan soal selidik
3. 3.3.2: Taburan Item Soalan
4. 3.5.1: Kronologi Kajian
5. 3.7.1: Interpretasi Skor Min
6. 3.7.2: Interpretasi Skor Min
7. 4.1: Jawatan
8. 4.2: Kepakaran Guru
9. 4.3: Wujud Perancangan Strategik
10. 4.4: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Latar Belakang
11. 4.5: Guru Memahami Visi
12. 4.6: Guru Memahami Misi
13. 4.7: Guru Memahami Objektif
14. 4.8: Skor Min dan Sisihan Piawai Kefahaman Guru
15. 4.9: Visi Diwarta
16. 4.10: Visi Dibina
17. 4.11: Visi Majukan Sekolah
18. 4.12: Sekolah Bangunkan Pendidikan Ikut Visi
19. 4.13: Visi Sesuai
20. 4.14: Skor Min dan Sisihan Piawai Visi
21. 4.15: Misi Diwartakan
22. 4.16: Misi Dibina Bersama



23. 4.17: Skor Min dan Sisihan Piawai Misi
24. 4.18: Visi dan Misi Sesuai dan Seiringan
25. 4.19: Skor Min dan Sisihan Piawai Visi dan Misi
26. 4.20: Objektif Sesuai dengan Visi dan Misi
27. 4.21: Skor Min dan Sisihan Piawai Objektif Sesuai dengan Visi dan Misi
28. 4.22: Analisa SWOT diguna Majukan Sekolah
29. 4.23: Skor Min dan Sisihan Piawai Analisis SWOT
30. 4.24: Penilaian Terhadap Perancangan Strategik Dibuat
31. 4.25: Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian
32. 4.26: Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kriteria Perancangan Strategik
33. 4.27: Guru Amal dan Praktik Visi Sekolah
34. 4.28: Mudah Ingat Visi dan Misi
35. 4.29: Hayati Objektif Perancangan Strategik
36. 4.30: Visi dan Misi Bewrkesan Majukan Sekolah
37. 4.31: Mudah Ingat Objektif Perancangan Strategik
38. 4.32: Sebut Visi dengan Mudah
39. 4.33: Menyatakan Misi Sekolah dengan Baik
40. 4.34: Menyatakan Objektif Perancangan Strategik dengan Baik
41. 4.35: Yakin Visi, Misi dan Objektif Majukan Sekolah
42. 4.36: Perancangan Strategik Majukan Sekolah
43. 4.37: Pentadbir Buat Mesyuarat Khas Tentang Perancangan Strategik
44. 4.38: PPD Buat Mesyuarat Tentang Perancangan Strategik
45. 4.39: PPG Buat Mesyuarat Khas Tentang Perancangan Strategik
46. 4.40: Perancangan Strategik Dibahas Dalam Mesyuarat Pagi



47. 4.41: Perancangan Strategik Dibahas Dalam Mesyuarat Staf
48. 4.42: Perancangan Strategik Dibahas Dalam Mesyuarat Kurikulum
49. 4.43: Perancangan Strategik Dibahas Dalam Mesyuarat HEM
50. 4.44: Perancangan Strategik Dibahas Dalam Mesyuarat Ko-Kurikulum
51. 4.45: Wujud Jawatankuasa Pemantau Peringkat Sekolah
52. 4.46: Wujud Jawatankuasa Pemantau Peringkat Bidang dan Panatia
53. 4.47: Pentadbir Lapor Perancangan Strategik Ke JPNS
54. 4.48: Pentadbir Lapor Perancangan Strategik Ke PPG
55. 4.49: Pentadbir Lapor Perancangan Strategik Ke PPD
56. 4.50: Panatia Lapor Perancangan Strategik Ke Pentadbir
57. 4.51: Skor Min dan Sisihan Piawai Amalan Perancangan Strategik

**Rajah**

1. Rajah 2.1: Model Perancangan Strategik oleh Hofer & Schandal.
2. Rajah 2.2: Kerangka Konsepsual Kajian



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.0 Pendahuluan

Bab 1 dalam kaedah penyelidikan ini adalah membincangkan tentang perkembangan perancangan strategik di luar negara dan dalam negara. Bab ini juga menjelaskan bagaimana konsep perancangan strategik bermula di Eropah dan seterusnya di Malaysia. Bab ini juga akan membincangkan permasalahan kajian iaitu tentang kefahaman guru berkenaan visi, misi dan objektif sekolah, adakah perancangan strategik sekolah menepati kriteria perancangan strategik yang sebenarnya serta adakah sekolah mengamalkan perancangan strategik. Bab ini juga membincangkan tentang persoalan kajian iaitu sama ada guru faham tentang visi, misi dan objektif, sekolah mengamalkan kriteria perancangan strategik yang mengikut konsep sebenarnya serta adakah sekolah mengamalkan perancangan strategik menurut persepsi guru-guru di sekolah menengah daerah Semporna. Seterusnya dinyatakan juga tentang objektif kajian iaitu antaranya adakah guru faham tentang visi, misi dan objektif perancangan strategik sekolah, adakah perancangan strategik sekolah memenuhi kriteria perancangan strategik yang sebenarnya dan apakah perancangan strategik diamalkan di sekolah menurut persepsi guru-guru di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna. Kajian ini juga mengungkitkan definisi operational tentang perkataan baru dan utama dalam kajian. Seterusnya kajian ini menyatakan signifikasi tentang kriteria dan amalan perancangan strategik di sekolah-sekolah menengah di daerah Semporna.

Pengurusan strategik pada asalnya adalah popular di dalam sektor perniagaan iaitu perancangan dibuat untuk mengatasi pesaing-pesaing dalam perniagaan. Keberkesanan perancangan strategik dalam sektor perniagaan telah terbukti. Sejak akhir-akhir ini, perancangan strategik telah dibawa masuk ke dalam bidang pendidikan dan ia terbukti berkesan dalam memajukan sesebuah sekolah di Amerika Syarikat. Menyedari hakikat kepentingan perancangan strategik dalam pendidikan, Kementerian Pelajaran mengarahkan setiap sekolah di seluruh negara membuat perancangan strategik untuk pembangunan sekolah. Pengurusan strategik kini amat diperlukan dalam pendidikan untuk menggerakkan sekolah menjadi lebih baik berbanding dengan keadaan sebelumnya. Pengurusan strategik merupakan satu proses yang melibatkan seluruh aktiviti merancang dan melaksanakan suatu rancangan yang mana rancangan ini diharapkan berupaya membaiaki kedudukan sesebuah organisasi.

Perancangan Strategik didefinisikan dengan memberi dua tumpuan utama iaitu "strategi" dan "perancangan". Istilah "Strategi" berasal dari bahasa Greek "Strategos" atau "Strategie" yang membawa maksud 'Fungsi Seorang General'. Oleh itu, jika dilihat dari kaca mata bahasa tentera bermaksud 'Kepakaran Seorang Jeneral'. (Zainal Abidin Mohamed, 1999)

Perancangan pula bermaksud;

'Planning is a process that involves making and evaluating each set of interrelated decision before action is required in a situation in which it is believed that unless action is taken, a desired future state is not likely to occur and that if appropriate action is taken, the likelihood of a favourable outcome can be increased'  
( Ackoff, 1970 dalam Zainal Abidin, 1999 )

Tony Grundy (1993), mendefinisikan perancangan strategik sebagai;

Strategic planning can be defined as the creation of a sense long-term direction in order to anticipate and shape the future environment, to



allocate resources for competitive advantage and to steer change.

Seterusnya seorang lagi pemikir perancangan strategik iaitu Richard S. Handscombe dan Philip A. Norman (1993), mendefinisikan perancangan strategik sebagai;

Strategy concern the nature direction and focus of tomorrow's business. The management process of establishing, reviewing & updating a company's strategies should be one of the most stimulating and purposeful activities in which directors and senior management are involved.

Spyros G. Makridakis (1990), mendefinisikan perancangan strategik sebagai;

Strategy is concerned with defense against efforts by existing or new competition to attack firm's position directly, in order to gain advantage of their own.

Zainal Abidin Mohamed (1999) memperkatakan tentang pendapat Steiner yang telah memberi definisi menyeluruh kerana merangkumi empat komponen iaitu:

- a. Perancangan strategik melihat kedudukan masa hadapan akibat keputusan yang dibuat sekarang yang dipengaruhi oleh rantai faktor yang menyebabkan berlaku sesuatu kejadian serta akibatnya. Kemudian pengubahsuaian dibuat di mana organisasi perlu sentiasa peka kepada peluang dan ancaman sekelilingnya,
- b. Perancangan strategik adalah proses berterusan yang mempunyai objektif yang spesifik yang dituju dan ditubuhkan satu sistem yang kukuh untuk melihat agar proses ini berjalan lancar.
- c. Perancangan strategik juga merangkumi sikap atau cara hidup. Orang yang terlibat harus mempercayainya, memastikan yang ia bergerak dan menjadi satu bahagian dalam pengurusan.

- d. Jika perancangan strategik dijadikan satu sistem yang formal, maka strukturnya perlu menggabungkan tiga jenis kegiatan iaitu perancangan jangka masa pendek, perancangan jangka masa pertengahan (3-5 tahun) dan perancangan jangka masa panjang (lebih 5 tahun).

### **1.1 Sejarah Perkembangan Perancangan Strategik**

Perancangan jangka panjang hanya berkembang dengan pesat dalam tahun 1950-an dan berkembang pada awal tahun 60-an. Data yang digunakan adalah data belanjawan dan jualan dan ianya digunakan untuk membuat unjuran bagi jangka masa 3-5 tahun ke hadapan.

Zainal Abidin Mohamed (1999) memperkatakan tentang pendapat Ansof yang telah memperkenalkan konsep "Perancangan Strategi" dalam pengurusan. Ia disarankan kerana didapati ia lebih berkesan daripada perancangan jangka panjang. Beliau memasukkan elemen analisis dalaman dan analisis luaran. Beliau membawa dimensi baru iaitu analisis kritisall keupayaan syarikat dan peluang-peluang yang ada untuk disatukan dalam proses membuat keputusan.

Pada awal 1980-an dan 90-an perancangan strategi masih belum membantu pengurus-pengurus atasan membuat keputusan jangka panjang yang baik. Pergolakan persekitaran masih lagi menganggu keselesaan para perancang menjalankan tugas mereka. Akhirnya Ansoff 1980 dalam Zainal Abidin Mohamed (1999) memperkenalkan satu konsep baru iaitu "Pengurusan Strategi". Konsep ini mempunyai dua komponen iaitu; pertama ialah 'Pengurusan Isu Strategi' yang pada asasnya adalah lanjutan daripada perancangan strategi. Keduanya adalah melengkapkan eksekutif utama atau



atasan untuk sentiasa berwaspada menghadapi dan mengendalikan kejadian luar jangka. Ia disebut 'Pengurusan Surprise' atau 'tak jangka'.

### **1.1.1 Amalan Perancangan Strategik di negara-negara Barat**

Perancangan Strategi di Amerika Syarikat telah digunakan sejak 1970-an lagi. Terdapat banyak laporan tentang perancangan strategi di Amerika Syarikat seperti laporan Zainal Abidin Mohamed (1999) yang memperkatakan tentang laporan Steiner , Ang yang menunjukkan bahawa wujudnya peningkatan dalam amalan perancangan strategi di Amerika Syarikat.

### **1.1.2 Amalan Perancangan Strategik di United Kingdom**

Zainal Abidin Mohamed (1999), memperkatakan tentang kajian Kumpulan Taylor dan Irving yang membuat kajian tentang amalan perancangan strategik di 27 buah syarikat besar daripada 16 buah industri yang berlainan. Mereka mendapati bahawa 23 buah syarikat di United Kingdom iaitu 80% telah mengamalkan perancangan jangka masa panjang secara formal.

### **1.1.3 Amalan Perancangan Strategik di Malaysia**

Perancangan Strategik di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru kerana Omar Mohd Hashim (1991) menyatakan bahawa perancangan strategik dalam pendidikan di Malaysia telah diperkenalkan sebelum merdeka.

Sejak akhir-akhir ini, isu perancangan strategik dibangkitkan semula kerana ia penting dalam pencapaian sesuatu jabatan. Pemikir-pemikir tentang perancangan di negara ini adalah seperti Dr. Sufean Husin yang menulis buku bertajuk Dasar Strategik

Berasaskan Sekolah: Suatu Model dan Aplikasinya, Zainal Abidin Mohamed bertajuk Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan, Abdul Shukor Abdullah bertajuk Pengurusan Organisasi dan banyak lagi.

Jabatan Pelajaran Sabah telah merangka satu Plan Pembangunan pelajaran jangka panjang yang dipanggil 'Beyond Excellence' ( Jemaah Nazir, 2000). Setiap sekolah wajib menyediakan plan pembangunan pelajaran lima tahun. Di daerah Semporna, hampir semua sekolah mempunyai plan pembangunan pelajaran lima tahun. Persoalannya ialah adakah perancangan strategik di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna menepati kehendak perancangan strategik yang sebenarnya atau adakah perancangan strategik tersebut hanya di atas kertas sahaja? Kajian ini akan mengupas berkenaan dengan persepsi guru tentang tahap kefahaman terhadap visi, misi dan objektif, kriteria dan amalan perancangan strategik di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna.

Pada asalnya perancangan strategik adalah terkenal dalam dunia perniagaan dan diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Perancangan Strategik adalah baru dalam pendidikan di Malaysia tetapi telah lama diguna pakai oleh sekolah-sekolah di Amerika Syarikat. Contohnya di Kelantan, Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan telah memperkenalkan konsep pengurusan strategik dari tahun 1983 hingga 1987 ( Abdul Wahab, 1993 ). Konsep perancangan strategik juga diamalkan dalam buku Perancangan Sasaran Kerja Tahunan, Kementerian Pelajaran Malaysia (1994) yang menyatakan misinya, objektif dan plan tindakan pelaksanaan sasaran kerja dari tahun 1994-2000. ( Zainal Abidin Mohamed, 1999)



## 1.2 Pernyataan Masalah

Walau pun perancangan strategik (Beyond Excellence) telah diperkenalkan tetapi kenapa di daerah Semporna tidak menunjukkan keputusan peperiksaan yang memuaskan. Di mana silapnya. Siapakah yang bertanggungjawab dalam perkara ini? Banyak kajian dan penyelidikan yang telah dibuat sejak lima tahun lepas tetapi dapatan kajian ini tidak menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pendidikan di daerah Semporna. Kajian-kajian ini tidak banyak membantu untuk meningkatkan prestasi PMR di daerah Semporna. Persoalan pokok yang menjadi tanda tanya sekarang ialah apakah Beyond Excellence tidak membantu kepada peningkatan pencapaian prestasi sekolah-sekolah menengah dari daerah Semporna.

Jika di negeri Kelantan perancangan strategik yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan semasa Dr. Wan Zahid Wan Nordin menjadi Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan telah membawa keluar Negeri Kelantan daripada tercorot di Malaysia. Kini Negeri Kelantan adalah antara terbaik di peringkat kebangsaan. Ini menunjukkan kepada kita bahawa perancangan strategik memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan. Berbeza pula di Sabah. Walaupun Beyond Excellence telah diperkenalkan tetapi kini Sabah antara yang tercorot di Malaysia. Malangnya penyumbang utama kemerosotan ini adalah daerah Semporna. Apa yang terjadi dengan pembangunan pendidikan di Semporna? Apakah "Beyond Excellence" tidak memebri kesan langsung kepada pembangunan pendidikan di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna?

Jika perancangan strategik yang diyakini boleh meningkatkan sesebuah organisasi kenapa di daerah Semporna perancangan strategik kurang membantu dalam peningkatan prestasi sekolah-sekolah menengah di daerah Semporna. Permasalahan

utama yang timbul adalah adakah guru-guru faham tentang visi, misi dan objektif perancangan strategik sekolah? Adakah perancangan strategik yang dibuat oleh sekolah menepati kriteria perancangan strategik yang sebenarnya dan adakah sekolah mengamalkan perancangan strategik atau digubal atas kertas sahaja dan tidak digunakan untuk memajukan sekolah?

### **1.3 Persoalan Kajian**

Pertama ialah apakah tahap pemahaman guru terhadap visi, misi dan objektif perancangan strategik di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna menurut persepsi guru.

Kedua, adakah perancangan strategik yang dibuat di sekolah-sekolah menengah daerah semporna memenuhi kriteria perancangan strategik menurut persepsi guru.

Terakhir ialah adakah perancangan Strategik yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendidikan Sabah diamalkan di sekolah-sekolah menengah di daerah Semporna menurut persepsi guru.

### **1.4 Tujuan Kajian**

Pertama ialah mengenal pasti tahap pemahaman terhadap visi, misi dan objektif perancangan strategik yang dibuat di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna menurut persepsi guru.

Kedua, mengenal pasti sama ada perancangan strategik di sekolah menepati kriteria perancangan strategik yang sebenarnya atau tidak menurut persepsi guru.

Ketiga pula ialah menentukan sama ada warga sekolah mengamalkan perancangan strategik menurut persepsi guru.

### **1.5 Objektif**

Pertama ialah untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap visi, misi dan objetif perancangan strategik di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna menurut persepsi guru.

Keduanya ialah untuk mengenal pasti sama ada konsep perancangan strategik di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna menepati kriteria perancangan strategik menurut persepsi guru.

Ketiga ialah untuk mengenal pasti sama ada perancangan strategik diamalkan di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna atau tidak menurut persepsi guru.

### **1.6 Definisi Operational/ Konseptual**

Perancangan Strategik ialah satu penetapan matlamat di masa hadapan. Maksudnya ialah kita menetapkan sasaran kita pada hari ini untuk kejayaan masa hadapan.

Beyond Excellence ialah kejayaan masa hadapan.ertiannya ialah apa juar yang dirancang di sekolah adalah untuk masa hadapan.

PMR ialah Penilaian Menengah Rendah. Penilaian ini adalah khusus untuk pelajar tingkatan 3. Tujuannya adalah untuk memilih pelajar bagi kemasukan ke tingkatan empat.

Pemantauan menurut bahasa ialah dilihat dan dilawat. Pemantauan dibuat adalah untuk memastikan bahawa sesuatu aktiviti dilaksanakan.

## BIBLIOGRAFI

- A. Azmi B. Hj. Shahri (1996). Pengurusan Strategi Pengajaran, *Jurnal Pendidikan Guru*, Bahagian Pendidikan Guru. KPM. Bil. 11/ 1996.
- Abdul Wahab B. Abdul Ghani (1992). Pengurusan Strategik Dalam Pendidikan: Kes Program Perancangan Akademik 1983-1987 JPN Kelantan. *Jurnal Pengurusan Pendidikan IAB*, Jilid 3, 1992.
- Ahmad Mahdzan Ayob, (1985). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azmi Zakaria (1996). "Indikator Pemimpin Cemerlang: Satu Analisis Pengurusan". *Jurnal Pendidikan*. Genting Highland: Institut Aminuddin Bakri.
- Chan Yuen Fook (1999). Pengurusan Strategi Pengajaran Ke Arah Sekolah Berkesan. *Khidmat*, March/ April, Vol. 39, 1999.
- Charles W. Hill & Gareth R. Jones (2001). *Strategic Management Theory*, Houghton Mifflin Company, Boston, New York.
- Eddaris Abbu Bakri (2004). *Pengurusan Strategik. Konsep Dan Aplikasi Untuk Pendidikan*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Edward D. Bono, (1993). *Serious Creativity*, Haper Collins Publisher, London.
- Fiedler, B. (1999). *Perancangan Strategik Untuk Kemajuan Sekolah (trans)*. Kuala Lumpur. Terjemahan Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Gerald Michaelson & Steven Michaelson, (2003). *Sun Tzu For Success*, Adam Media Corporation, Avon, MA, USA.
- Ibrahim Mamat (2001). *Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepemimpinan*. K. Lumpur, Kumpulan Budiman sdn bhd.
- Jemaah Nazir Sekolah Sabah (2000). Laporan Penilaian Perlaksanaan Program Beyond Excellence, *Jabatan Pendidikan Sabah*.
- Juhary Ali (1987), *Asas Pengurusan*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mark McNeilly (2004). Gathering Information For Strategic decision, Routinely, <http://ariel.Emeraldinsight.Com/MI=7927982/CJ=14/nw=1/rpsv/cw/mcb/10878572/v30.../p29.htm> 1/ 12/ 04. *Journal Strategy and Leadership*, Vol. 30 Number 5, 2002.

- Marzita Abu Bakar & Dr. Sufean Hussin (2002). Pengurusan Strategik Di Kalangan Pengurus-Pengurus Sekolah Agama JAIS. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, Pahang Darul Makmur: IAB. KPM. Jilid 12. Bil. 02. 2002.*
- Mohd Rais B. Abdul Karim (1991). Pengurusan Tenaga dan Sumber Dalam Meningkatkan Produktiviti Guru, *Jurnal Pengurusan Pendidikan, IAB, Jilid 1, Bil. 2 Jun 1991.*
- M. B. Muda & Rusilawati Bt. Othman (2000), Model Rantaian Nilai Dalam Pendidikan: Prakarsa Bagi Pelaksanaan Strategi di Peringkat Institusi Pendidikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan, Bil. 02, 2000.*
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* KPM. DBP. K. Lumpur.
- Mohd Yusof Hj. Othman (2002). *Menjejak Kualiti Menjana Kecemerlangan,* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Bustaman B. Hj. Abdul Manaf (1997). Pengurusan Strategik: Satu Pengenalan Kepada Peranan Dan Amalan Konsepnya Dalam Pengurusan Sekolah, *Jurnal Pengurusan Pendidikan IAB : KPM Jilid 07, Bil. 01 Disember 1997.*
- Omar Mohd Hashim (1991). Pengisian Misi Pendidikan. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Selangor Darul Ehsan.
- Peter M. Senge (1990). *Mental Models: The Fifth Discipline: The Art and practice of the Learning organization,* Double/ Crrency, New York.
- Quinn, J. B. (1980). *Strategies for Changes: Logical Incrementalism,* Homewood, IL : Irwin.
- Richard S. Handscombe & Philip A. Norman (1993). *Strategic Leadership,* McGraw-Hill Book Company Europe, England.
- Rusinah Siron & Mohd Amin Hj. Tasripan (2002). Tinjauan Terhadap Budaya Pengurusan Organisasi dan Hubungan dengan Hasilan Perlakuan: Satu kajian Kes di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, KPM, Jilid 4.*
- Shanti Raman (2002). Pembinaan Visi Berkongsi. Pemimpin : Jurnal Institut Pengetua.UM, Julai 02.
- Sharil @ Charil Marzuki (1997). *Kajian Sekolah Berkesan Di Malaysia: Model Lima Faktor.* Fakulti Pendidikan, UKM.
- Sharil @ Charil Marzuki (2003). Kepimpinan dan Potensi Minda Dalam Pembentukan Sekolah Cemerlang, kertas kerja pembentangan Hari Profesionalisme di Seafest Semporna.

Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis.* Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Simon Majaro (1992). Strategic Planning Process, *European Management Journal*, Vol. 10, No. 2, June 1992.

Spyros G. Makridakis (1990). *Forecasting, Planning, and Strategy for the 21<sup>st</sup> Century*, The Free Press, New York.

Stephens R. Covey, et. al, (1994). *First Things First*, Pockets Book, London.

Zainal Abidin Mohammad (1999). *Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan*. Serdang; Penerbit Universiti Putra Malaysia.